# RINGKASAN EKSEKUTIF

# Ringkasan Eksekutif

## PROPOSED INCREASE OF PRODUCTION CAPACITY FOR EXISTING RECYCLED PAPER MILL ON LOT 1, KAWASAN PERINDUSTRIAN BENTONG IIB, MUKIM SABAI, 28600 KARAK, PAHANG, MALAYSIA


**ND Paper (Malaysia) Sdn Bhd**

Lot 1, Kawasan Perindustrian Bentong IIB, Mukim Sabai, 28600 Karak, Pahang

Tel.: +609 222 3250 / +609 222 3361

Faks: +609 222 1785

Pegawai: En Shi Rongjiu (Pengurus Kilang)
shirj@ndpaper.com
Pn Isabel Kow Seok Foon (Pengarah Perhubungan Awam dan Pentadbiran)
isabelkow@ndpaper.com

**Chemsain Konsultant Sdn Bhd**

No. 41, 1st Floor, Jalan USJ 10/1D, 47620 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel.: +603 5637 0163

Faks: +603 5637 0385

Pegawai: Pn Lina Chan (Ketua Pasukan EIA)
lina.chan@chemsain.com


## Keperluan Undang-undang

Kilang Kertas Kitar Semula ini mempunyai Kelulusan EIA yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 2 November 2007 untuk kapasiti pengeluaran 80,000 tan/tahun.

Peningkatan kapasiti pengeluaran yang dicadangkan kepada 900,000 tan/tahun, adalah aktiviti yang ditetapkan bawah: **Jadual Kedua – Aktiviti No. 6: Industri**

**Sub-aktiviti (f): Industri kitar semula kertas: Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari**

## Gambaran Keseluruhan

### LOKASI

Lot 1, Kawasan Perindustrian Bentong IIB, Mukim Sabai, 28600 Karak, Pahang

### ZON

Industri

### BAHAN MENTAH

1,020,000 tan/tahun OCC (90% dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun & Australia, 10% bekalan tempatan)

### OUTPUT PENGELUARAN

Fasa 1

80,000 tan/tahun *core board*, 380,000 tan/tahun *recycled pulp*

Fasa 2

120,000 tan/tahun *core board*, 780,000 tan/tahun *recycled pulp*

### KOMPONEN LAIN

Gudang kertas buangan dan produk, sump pam air mentah, RWTP, naik taraf IETS, dandang baru

## Pernyataan Keperluan




## Lokasi Projek




Coordinates:

| No. | Lat. | Lon. |
|---|---|---|
| 1 | 3° 28' 31.26" | 101° 58' 20.38" |
| 2 | 3° 28' 25.85" | 101° 58' 28.65" |
| 3 | 3° 28' 15.67" | 101° 58' 19.16" |
| 4 | 3° 28' 22.01" | 101° 58' 15.24" |
| A | 3° 28' 29.39" | 101° 58' 29.49" |
| B | 3° 28' 29.26" | 101° 58' 30.07" |
| C | 3° 28' 29.05" | 101° 58' 30.38" |
| D | 3° 28' 28.83" | 101° 58' 30.15" |
| E | 3° 28' 29.30" | 101° 58' 29.37" |

LEGEND:

- PROJECT SITE
- RAW WATER SUMP PUMP
- FUTURE DEVELOPMENT (Tidak termasuk dalam EIA ini)
- ROUTE OF TREATED EFFLUENT TO RIVER

## KAPASITI PENGELUARAN

| Produk | Kod HS | Termasuk dalam EIA ini | | Perkembangan Masa Depan (Tidak termasuk dalam EIA ini) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Fasa 1 (tan/tahun) | Fasa 2 (tan/tahun) | Fasa 3 (tan/tahun) | Fasa 4 (tan/tahun) |
| *Coated duplex board* | 4810.92.900 | 0 | 0 | 0 | 600,000 [2] |
| *Core board* | 4706.20.000 | 80,000 | 120,000 | 120,000 | 120,000 |
| *Recycled pulp* | | 380,000 | 780,000 | 1,200,000 [1] | 1,200,000 |
| | **Jumlah** | **460,000** | **900,000** | **1,320,000** | **1,920,000** |

*Nota:*

*[1] Recycled pulp line (PM4) akan dibina di tanah baru yang berdekatan semasa Fasa 3.*

*[2] Coated duplex board line terletak di kilang sedia ada.*

## SUMP PAM AIR MENTAH

Terletak bertentangan dengan kilang sedia ada

Kadar abstraksi: 5,000 $m^3$/hari

## LOJI RAWATAN AIR SUNGAI

Kapasiti reka bentuk: 5,250 $m^3$/hari (atau 218.75 $m^3$/jam)

## DANDANG

Kapasiti dandang *standby* baru: 12 tan/jam (1 unit)

Bahan bakar: LFO yang dipulihkan

## SISTEM PENGOLAHAN EFLUEN PERINDUSTRIAN

Kapasiti sedia ada: 4,500 $m^3$/hari

Naik taraf: 4,000 $m^3$/hari

Direka untuk menepati Pawaian A Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

## PENGURUSAN SISA

*Reject* and sisa domestik akan dibuang ke Tapak Pelupusan Padang Sertik

Sisa yang boleh dikitar semula akan dihantar untuk dikitar semula di luar tapak

Buangan terjadual akan dikendalikan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005


Guna semula 80% Efluen Terawat
20% Efluent Terawat dilepaskan ke Sg Bentong
OCC dari luar negara dan Malaysia
OCC
Recycled Pulp Line 2 (PM3)
Loji Rawatan Air Sungai
Air
Efluen Industri
Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian
Recycled Pulp Line 1 (PM2)
Bekalan dari PAIP
Air
Enap Cemar
Bekalan dari TNB
Elektrik
Reject/Fibre Waste
Core Board Line (PM1)
Tapak Pelupusan Padang Sertik
Dandang (2 unit beroperasi + 1 unit standby)
Stim
Enap Cemar
Kemudahan Berlesen

## Projek Aktiviti

### Pra-Pembinaan

- Perancangan projek
- Reka bentuk
- Tinjauan dan lawatan tapak
- Pemantauan garis dasar

### Pembinaan

- Mobilasi pekerja
- Pengangkutan bahan dan peralatan pembinaan
- Kerja-kerja awam dan struktur
- Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal
- Ujian dan pentauliahan
- Pemindahan keluar pekerja

### Operasi & Penyelenggaraan

- Logistik bahan mentah dan produk
- Akitiviti pengeluaran
- Operasi dan penyelenggaraan sistem kawalan pencemaran
- Kebanyakan secara automatik dengan sistem kawalan proses
- Pengurusan sisa
- Anggaran pekerja (untuk pegembangan): tambahan 70

## Persekitaran Sedia Ada

### TOPOGRAFI

Terletak di tanah beralun

### GEOLOGI

Didasari oleh formasi Devonian

### TANAH

Bahagian utara berada di atas dataran banjir Telemong-Akob-Tanah Lanar Tempatan

Bahagian selatan adalah tanah curam

### EKOLOGI TERESTRIAL

Flora sekitarnya kebanyakan terganggu dan terdiri daripada tumbuhan sekunder

Fauna terdiri daripada haiwan yang biasanya dijumpai di habitat terganggu

### EKOLOGI AKUATIK

Kolam Pancing D'Karak menggunakan air bukit

Jenis ikan: ikan Mekong, Patin, ikan Tongsan, ikan Karak, ikan Chaophraya, Siakap dan ikan Kaci

### SOSIO-EKONOMI

Berada di BPK 2.2: Sg Dua – Jambu Rias, Daerah Bentong

Tinjauan dari 11 hingga 12 November 2020 (143 rumah)

### HIDROLOGI

Terletak di lembangan Sg Bentong

3 loji rawatan air di lembangan Sg Bentong

*Pahang – Selangor Raw Water Transfer Intake* berada di 27.7 km bahagian hilir tapak Projek

4 pengguna industri utama yang mengambil air di hulu dan hilir titik pengambilan air ND

### METEOROLOGI & IKLIM

Hujan tahunan yang tinggi dengan kelembapan serta suhu yang tinggi dan seragam.

### KESIHATAN KOMUNITI

Kebanyakan rumah mempunyai tandas pam

Sesetengah orang asli masih mengunakan air bukit dan air sungai (dari Sg Dua Hulu) dalam kehidupan seharian

Terdapat penduduk yang memilih untuk membakar atau membuang sampah di kawasan terbuka

19 responden mengatakan bahawa sendiri atau ahli keluarga dikesan dengan penyakit seperti asma, darah tinggi serta kencing manis, dan seorang yang sembuh dari kanser payudara

# Lokasi Pemantauan Garis Dasar




LEGEND:

- PROJECT SITE
- RAW WATER SUMP PUMP
- RIVER / STREAM
- AIR (A1 - A2)
- NOISE (N1 - N4)
- WATER (W1 - W7)
- ODOUR (OB1 - OB5, O6)

Kebanyakan parameter berada dalam Kelas II kecuali COD, faecal coliform count dan total coliform count

Hanya N2 dapat mematuhi had siang 65 dB(A) dan had malam 55 dB(A) yang ditetapkan dalam kelulusan EIA untuk operasi sedia ada

Kualiti udara ambien di semua lokasi persampelan mematuhi MAAQS

*Dilution to Threshold* (D/T) tertinggi untuk bau yang tidak menyenangkan dan bau neutral di sempadan Projek ialah 7 D/T [Tidak dapat diterima]

# Guna Tanah dalam Lingkungan 1 km




LEGEND:

PROJECT SITE

RAW WATER SUMP PUMP

1) THE ACACIA RETREAT
2) PMU KARAK
3) SHOP LOTS
4) LCS MIX SDN BHD
5) BITUMAX INDUSTRIES SDN BHD
6) JBA PAHANG WATER TANK
7) PYROTECHNICAL ORDNANCE MALAYSIA SDN BHD

# Guna Tanah dalam Lingkungan 3 km




LEGEND:

PROJECT SITE

RAW WATER SUMP PUMP

8) J ROBERT FARMS SDN BHD
9) TAMAN BENUS JAYA
10) SASA WAJA GROUP FACTORY
11) PETRON
12) PETRONAS
13) KOLAM PANCING D'KARAK
14) SIM KEE HARDWARE & TIMBER SDN BHD
15) SJK (C) SUNGAI DUA
16) KAMPUNG SUNGAI DUA
17) KLINIK DESA SUNGAI DUA
18) SK SUNGAI DUA
19) PAK TAY TEMPLE
20) SURAU SUNGAI DUA
21) KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI DUA HULU

# Guna Tanah dalam Lingkungan 5 km




LEGEND:

- PROJECT SITE
- RAW WATER SUMP PUMP

19) FULLBOW (KARAK) MEMORIAL PARK
20) KAWASAN PERINDUSTRIAN BENTONG
21) TAMAN CHEGAR MEDANG
22) KAMPUNG BENUS
23) TOYOTA SERVICE CENTRE BENTONG
24) KAMPUNG CHEGAR MEDANG
25) PERODUA SERVICE CENTRE
26) KLINIK DESA BENUS
27) KAMPUNG MUHIBBAH
28) TAMAN MUHIBBAH
29) TAMAN ANGGERIK

# Penerima Sensitif




LEGEND:

- PROJECT SITE
- RAW WATER SUMP PUMP
- RIVER / STREAM

1) THE ACACIA RETREAT
2) KOLAM PANCING D' KARAK
3) TAMAN BENUS JAYA
4) KAMPUNG SUNGAI DUA
5) SJK (C) SUNGAI DUA
6) KLINIK DESA SUNGAI DUA
7) SK SUNGAI DUA
8) TAMAN CHEGAR MEDANG
9) KAMPUNG BENUS
10) KAMPUNG CHEGAR MEDANG
11) PAK TAY TEMPLE
12) SURAU SUNGAI DUA
13) KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI DUA HULU
14) KAMPUNG MUHIBBAH
15) TAMAN MUHIBBAH
16) TAMAN ANGGERIK

# Penilaian Impak & Langkah Mitigasi

## HIDROLOGI

### Kesan

**Peringkat Pembinaan**

- Tiada kesan ketara terhadap Sg Bentong disebabkan kawasan yang akan dibersihkan adalah kecil.

**Peringkat Operasi**

- Pengurangan paras air adalah sangat kecil. Tiada kesan yang ketara terhadap Sg Bentong dan pengguna air sedia ada.
- Peningkatan air larian dari tapak Projek adalah kecil berbanding dengan aliran Sg Bentong.

## HIDROLOGI

### Langkah Mitigasi

- Pemasangan dan penyelenggaraan pelindung tebing sungai dan struktur *inlet* untuk mengelakkan hakisan tebing sungai dan kerosakan struktur *inlet*.
- Pemasangan dan penyelenggaraan meter aliran untuk merekodkan jumlah air sungai yang diabstrak.
- Pemeriksaan dan penyelenggaraan semua paip air secara berkala.
- Pam *standby* untuk memastikan tiada gangguan abstraksi air sungai dan bekalan ke kilang.

## KUALITI AIR

### Kesan

**Peringkat Pembinaan**

- Tiada kesan ketara terhadap Sg Bentong disebabkan kawasan yang akan dibersihkan adalah kecil.

**Peringkat Operasi**

- Tiada perubahan kelas kualiti air untuk semua parameter yang dimodelkan untuk aliran rendah 7Q10 dan aliran normal semasa operasi normal.
- Semasa kegagalan IETS, BOD dan COD menunjukkan peningkatan tajam di titik pelepasan dan akan menurun secara beransur-ansur menuju ke hilir bagi aliran rendah 7Q10 dan aliran normal.

## KUALITI AIR

### Langkah Mitigasi

**Peringkat Pembinaan**

- BMPs (contohnya, *check dam*, *silt fence*) disaran untuk dilaksanakan di kawasan kerja.

**Peringkat Operasi**

- Efluen dari IETS harus mematuhi Piawaian A. Sekiranya IETS gagal, efluen harus digunakan semula dalam proses pengeluaran.
- Sekiranya kerja pembaikian IETS berpanjangan dan kualiti efluen tidak sesuai digunakan semula dalam proses pengeluaran, proses pengeluaran harus dihentikan sehingga IETS siap diperbaiki.

# Penilaian Impak & Langkah Mitigasi

## KUALITI UDARA

### Kesan

**Peringkat Pembinaan**

- Pencemaran habuk akibat aktiviti pembinaan adalah sementara.

**Peringkat Operasi**

- Semasa operasi normal, sumbangan bahan pencemar udara dari kilang ke Acacia Retreat adalah minimum.

## KUALITI UDARA

### Langkah Mitigasi

**Peringkat Pembinaan**

- Pengawalan habuk yang betul.

**Peringkat Operasi**

- Mengehadkan penerimaan bahan mentah yang mempunyai bau yang tidak menyenangkan.
- Menjalankan pemeriksaan, pemantauan dan penyelenggaraan berkala di kawasan pengendalian bahan mentah.
- Penggunaan semburan meneutrakan bau dan aditif dipertimbangkan apabila bau tidak boleh dicegah.

## BUNYI

### Kesan

**Peringkat Pembinaan**

- Acacia Retreat mungkin mengalami tahap kebisingan di sektar 70 dB(A) sementara kawasan kediaman sedia ada yang terletak kira-kira 3 km mungkin mengalami tahap kebisingan di antara 55 hingga 60 dB(A) semasa kerja kerucuk di tapak. Kerja kerucuk adalah berjangka pendek dan akan disiapkan pada peringkat awal pembinaan.

**Peringkat Operasi**

- Projek tidak akan memberikan kesan bunyi terhadap penerima sensitif bunyi yang berada di antara 500 m hingga 3 km dari sempadan Projek.

## BUNYI

### Langkah Mitigasi

- Tiada kerja cerucuk pada waktu malam.
- Menetapkan jadual penyelenggaraan berkala untuk semua jentera bermotor.
- Menyediakan halangan bunyi sementara sekiranya diperlukan semasa pembinaan.
- Reka bentuk akustik di dalam bangunan yang mempuyai banyak sumber bunyi.
- Penutupan atau langkah akustik yang lain untuk peralatan yang mempunyai paras bunyi yang melebihi 85 dB(A).
- Papan tanda keselamatan hendaklah dipasang di kawasan yang mempunyai paras bunyi yang tinggi.
- Menyediakan peranti pelindung yang mencukupi kepada pekerja yang bekerja di kawasan yang mempunyai paras bunyi yang tinggi.

# Penilaian Impak & Langkah Mitigasi

## PENGURUSAN SISA

**Kesan**

**Peringkat Pembinaan**

- Penghasilan sisa pembinaan, sisa pepejal dan buangan terjadual.

**Peringkat Operasi**

- Sampah yang dihasilkan semasa peringkat operasi boleh dikategorikan sebagai buangan pemprosesan (berbahaya dan tidak berbahaya) serta sisa domestik.

## PENGURUSAN SISA

**Langkah Mitigasi**

- Sisa pembinaan harus dikumpulkan di kawasan yang ditetapkan dan jauh dari saluran air dan penerima sensitif.
- Prosedur untuk pengurangan, kitar semula dan pemulihan sisa buangan perlu dipertimbangkan.
- *Reject* harus dihantar ke mesin tekan untuk mengeluarkan air sebelum dibuang di Tapak Pelupusan Padang Sertik. Air yang dikeluarkan dari pengeringan *reject* harus disalurkan ke IETS atau diguna semula dalam proses pengeluaran.
- Rekod doket pembuangan harus disimpan untuk rujukan.
- Buangan terjadual hendaklah diurus dan dikendalikan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

## KESIHATAN KOMUNITI

**Kesan**

**Peringkat Pembinaan**

- Dengan pengurusan sisa yang betul dan *housekeeping* yang baik oleh kontraktor, kesan terhadap kesihatan pekerja pembinaan dan pekerja ND yang sedia ada dijangka tidak nyata.

**Peringkat Operasi**

- Tiada kesan kesihatan yang disebabkan oleh penyedutan bahan pencemar udara atau pengambilan bahan pencemar air daripada cadangan Projek.

## KESIHATAN KOMUNITI

**Langkah Mitigasi**

**Peringkat Pembinaan**

- Pekerja pembinaan harus menjalani pemeriksaan kesihatan.
- Penggerak Projek tidak harus membenarkan pekerja yang disyaki dijangkiti penyakit untuk meneruskan kerjanya dan harus mengasingkannya dari tapak kerja buat sementara waktu.
- Konsep 5S harus diamalkan di tapak pembinaan.

**Peringkat Operasi**

- Semua P2M2 yang dicadangkan untuk kualiti air dan kualiti udara boleh digunakan.

# Penilaian Impak & Langkah Mitigasi

## SOSIAL

### Kesan

- Kira-kira 63% responden merasakan Projek ini akan memberi kesan kepada mereka dan kawasan sekitarnya.
- Sebanyak 90% responden mengatakan bahawa perubahan kualiti air merupakan kebimbangan utama mereka.
- Ini diikuti oleh masalah bau (70 responden), perubahan kualiti udara (71 responden) dan peningkatan pekerja asing (67 responden).
- Responden juga merasakan bahawa Projek ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan (65 responden) dan peluang perniagaan (61 responden).

## SOSIAL

### Langkah Mitigasi

- Memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat setempat.
- Pengambilan pekerja asing hendaklah melalui ejen yang boleh dipercayai dengan dokumentasi yang mematuhi peraturan serta undang-undang imigresen dan buruh Malaysia. Program pemulangan hendaklah dilaksanakan pada akhir tempoh kontrak untuk memastikan kelancaran dan pemulangan pekerja asing secara sah.
- Pekerja asing harus diberitahu dan dibiasakan dengan undang-undang serta peraturan Malaysia, adat istiadat tempatan, etika sosial dan sebagainya.
- Menyediakan mekanisme komunikasi yang berkesan untuk membolehkan orang ramai memberi maklum balas atau mengemukakan aduan yang berkaitan dengan Projek.

## PENGHENTIAN

### Kesan

- Estetik terjejas akibat struktur terbengkalai.
- Pencemaran tanah, air dan udara oleh bahan berbahaya dan sisa buangan.
- Pembiakan perosak dan vektor penyakit, seperti nyamuk, tikus dan sebagainya.
- Keselamatan pekerja dan orang lain yang melalui kawasan tersebut disebabkan oleh kejatuhan bahan atau struktur.

## PENGHENTIAN

### Langkah Mitigasi

- Pemberitahuan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
- Mengeluarkan jentera, peralatan dan bahan.
- Menutup semua punca pencucuhan atau suis.
- Pengurusan sisa yang betul.
- Membersihkan kawasan kerja, terutamanya tanah yang tercemar dengan bahan kimia atau minyak.
- Pemulihan (contohnya menanam tanaman di kawasan terdedah).
- Pemeriksaan post-penghentian sehingga tapak Projek menjadi stabil.

# Cadangan Program Pemantauan




- Suhu, pH, DO, BOD, COD, TSS, ammoniacal nitrogen, nitrate nitrogen, oil and grease, total coliform count, faecal coliform count, total phosphorus, TOC, chloride
- Bulanan
- Kelas IIB NWQS

- $PM_{10}$, $PM_{2.5}$, $SO_2$, $NO_2$, CO
- Suku tahunan
- MAAQS 2020

- $L_{eq}$, $L_{max}$, $L_{min}$, $L_{90}$, $L_{10}$
- Suku tahunan
- Had pematuhan yang disyorkan:

| Sempadan | Tempoh | Had Bunyi, dB(A) |
|---|---|---|
| Barat | Siang | 65 |
| | Malam | 65 |
| Utara | Siang | 70 |
| | Malam | 70 |
| Timur | Siang | 70 |
| | Malam | 70 |
| Selatan | Siang | 70 |
| | Malam | 70 |

- Mingguan – Piawaian A Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
- Suku tahunan – PFOA & PFOS
- Atas talian – Kadar aliran, pH, COD, ammoniacal nitrogen

**Pelepasan Cerobong Dandang**

- Total PM
- Setiap enam bulan
- Had pematuhan:

  Total PM = 50 mg/$m^3$

**Pelepasan Cerobong Bio-scrubber**

- $H_2S$, $NH_3$
- Setiap enam bulan
- Had pematuhan:

  $H_2S$ = 5 mg/$m^3$

  $NH_3$ = 30 mg/$m^3$